

ZONTRON BETASONE CREAM 0.1%W/W

Betamethasone Valerate (1mg/1g)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Zontron Betasone Cream 0.1%w/w
2. Bagaimana Zontron Betasone Cream 0.1%w/w berfungsi
3. Sebelum menggunakan Zontron Betasone Cream 0.1%w/w
4. Cara menggunakan Zontron Betasone Cream 0.1%w/w
5. Semasa menggunakan Zontron Betasone Cream 0.1%w/w
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Zontron Betasone Cream 0.1%w/w
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Zontron Betasone Cream 0.1%w/w

Zontron Betasone Cream 0.1%w/w digunakan untuk merawat keradangan yang bertindak balas kepada terapi kortikosteroid.

Bagaimana Zontron Betasone Cream 0.1%w/w berfungsi

Zontron Betasone Cream 0.1%w/w mengandungi ubat dipanggil betamethasone valerate. Ia tergolong dalam kumpulan ubat yang dipanggil kortikosteroid yang mengurangkan bengkak dan kegatalan.

Sebelum menggunakan Zontron Betasone Cream 0.1%w/w

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan Zontron Betasone Cream 0.1%w/w sekiranya:

- anda alah (hipersensitif) kepada betamethasone atau kepada mana-mana bahan lain di dalam ubat ini.

Jangan gunakan Zontron Betasone Cream 0.1%w/w bagi keadaan berikut:

- Jangkitan kulit yang tidak dirawat
- Kemerahan muka

- Jerawat
- Gatal tanpa keradangan
- Gatal di sekitar dubur dan kemaluan
- Ruam di bahagian mulut
- Keadaan kulit pada bayi di bawah satu tahun, termasuk keradangan kulit.

- Sebelum mula menggunakan Zontron Betasone Cream 0.1%w/w

Kehamilan dan penyusuan badan:

- Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan ubat ini jika anda hamil atau sedang menyusu.
- Tidak diketahui sama ada betamethasone terdapat dalam susu ibu atau membahayakan bayi baru lahir.
- Jika digunakan semasa menyusu, jangan sapukan betamethasone valerate pada payudara untuk mengelakkan bayi daripada tertelan ubat.
- Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda:
 - mempunyai sejarah alergi terhadap kortikosteroid
 - mengalami psoriasis

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda tentang semua ubat-ubatan dan produk kulit yang anda guna, termasuk ubat-ubatan yang perlukan preskripsi dan tidak perlukan preskripsi, vitamin, makanan tambahan herba dan kosmetik. Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda menggunakan ubat berikut:

- fluticasone atau kortikosteroid yang digunakan untuk gangguan pernafasan
- ritonavir (antivirus)
- itraconazole (antikulat)

Cara menggunakan Zontron Betasone Cream 0.1%w/w

- Berapa banyak harus digunakan

Sapukan lapisan nipis krim pada kawasan yang meradang.

- Bila perlu digunakan

Sapukan 2-3 kali sehari atau seperti yang ditetapkan oleh doktor.

- Berapa lama perlu digunakan

Tempoh rawatan hendaklah terhad kepada lima hari:

- bagi bayi dan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun
- untuk sapuan pada muka

- Jika terlupa menggunakan

Sapukan krim ini dengan segera dan kemudian teruskan rawatan anda seperti biasa.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Tanda dan gejala hormon kortisol tinggi seperti kenaikan berat badan, tanda regangan kulit, jerawat, pertumbuhan rambut yang berlebihan, botak atau kencing manis boleh berlaku sekiranya anda terlebih dos dalam jangka panjang atau salahguna ubat.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika tertelan ubat secara tidak sengaja. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Zontron Betasone Cream 0.1%w/w

- Perkara yang perlu dilakukan

- Maklumkan kepada doktor anda sekiranya jangkitan bertambah teruk supaya rawatan yang sesuai akan diberikan.
- Semasa menggunakan pembalut kedap udara dan air, bersihkan kulit sebelum pembalut baharu digunakan.

ZONTRON BETASONE CREAM 0.1%W/W

Betamethasone Valerate (1mg/1g)

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Zontron Betasone Cream 0.1%w/w bagi kegunaan luaran sahaja.
- Krim ini tidak boleh dimakan atau ditelan.
- Jangan hentikan penggunaan krim secara tiba-tiba kerana keadaan anda mungkin akan bertambah teruk.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Sekiranya produk ini bersentuhan dengan fabrik kain, pakaian dan tempat tidur, ia mudah terbakar.
- Apabila disapu pada kelopak mata, pastikan ubat tidak memasuki mata.
- Jika krim terkena pada mata atau mulut, bilas segera dengan air dan hubungi doktor anda.
- Betasone mengandungi alkohol cetostearyl yang boleh menyebabkan reaksi kulit.

Memandu dan menggunakan mesin.

Ubat ini boleh mempengaruhi keupayaan anda untuk memandu atau menggunakan mesin. Sekiranya penglihatan anda kabur, jangan memandu atau menggunakan mesin dan segera hubungi doktor anda.

Kesan-kesan sampingan

Zontron Betasone Cream 0.1%w/w boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mendapatnya.

Seperti semua ubat-ubatan, sesetengah orang mungkin alah kepada krim. Jika anda mengalami reaksi alahan, hentikan penggunaan Zontron Betasone Cream 0.1%w/w dan hubungi doktor anda dengan segera. Kesan sampingan termasuk:

- Jangkitan.
- Penglihatan kabur
- Kegatalan, rasa terbakar/sakit, ruam,
- kemerahan, gatal-gatal, kulit menipis,
- kulit kedut, kekeringan kulit, tanda regangan kulit
- perubahan pigmentasi

- Pertumbuhan rambut yang berlebihan
- Menerukkan gejala sedia ada

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda dengan segera.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Zontron Betasone Cream 0.1%w/w

- Penyimpanan

Jauhkan semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 30°C di tempat kering yang jauh daripada cahaya.

- Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Sila dapatkan nasihat ahli farmasi tentang cara pelupusan sebarang ubat yang tidak digunakan lagi.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Krim lembut putih tanpa bau

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Betamethasone

- Bahan tidak aktif
propylene glycol, liquid paraffin, disodium EDTA, purified water, methyl paraben, tween 80, cetostearyl alcohol, white soft paraffin, cetomacrogol 1000

- Nombor MAL:

MAL19900048AZ

Pemegang Pendaftaran Produk dan Pengilang

Teraputics Sdn. Bhd. (590500-W)
Lot 10 & 11, PERDA Industrial Park,
Lorong IKS Simpang Ampat B,
14100 Simpang Ampat, S.P.S.,
Pulau Pinang, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

25/05/2023

Nombor Siri

NPRA(R4/1)310522/00033